

Lukisan Naim Hamid hadiah buat PM, Raja Arab Saudi

Johor Bahru: Bermula melukis gambar adiwira ketika di bangku sekolah rendah, karya potret dan landskap Naim Hamid Hamidin, 16 kini sudah 'beralih tangan' termasuk kepada negarawan serta kerajaan asing.

Pelajar Tingkatan Lima Sekolah Seni Malaysia Johor (SSEM Johor) ini pernah menghasilkan potret Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali dengan bahan tara cat minyak pada kanvas.

Lukisan itu diserahkan kepada Dr Mahathir sendiri di Yayasan Kepimpinan Perdana pada 20 Ogos lalu.

Naim Hamid juga pernah menghasilkan potret lukisan cat minyak Raja Arab Saudi, Raja Salman Abdulaziz Al-Saud yang diserahkan di Pesta Buku Antarabangsa Riyadh (RIBF) di Pusat Konvensyen dan Pameran Antarabangsa Riyadh (RICEC), dua tahun lepas.

"Saya mula melukis ketika berumur sembilan tahun ketika ber-

sekolah di Sekolah Islam Adni, Ampang tetapi sekadar mengonteng-conteng di atas meja dan melukis watak *Ultraman*.

"Bakat saya dikesan guru dan kemudian memaklumkan kepada ibu bapa yang memandang positif 'hobi' saya, lalu menghantar saya ke kelas lukisan Jom-lukis! di Bangi untuk mengasah bakat," katanya kepada BERNAMA di Galeri Seni Johor, di Yayasan Warisan Johor di sini.

Yang turut hadir Guru Lukisan SSEM, Rozidalina Abdullah.

Naim Hamid antara 17 pelajar Seni Halus, Komunikasi Visual dan Reka Bentuk SSEM yang mempamerkan karya masing-masing bagi pentaksiran kesenian Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2019 menerusi Pameran Seni Visual SPM 2019 yang berlangsung hingga 27 September ini.

Naim Hamid berkata, lukisan pertama dihasilkan ialah sepasang ikan emas yang mendapat pujian guru lukisannya kerana perincian.

"Sejak itu, saya terus menghasilkan pelbagai lukisan cat air dan cuba menggunakan cat minyak ketika berumur 12 tahun," katanya.

Menjadikan pelukis terkenal, Jaafar Taib sebagai idola, Naim Hamid mengakui banyak karyanya dipengaruhi subjek sama seperti Jaafar seperti berkonsepkan landskap pemandangan hutan.

Naim Hamid pernah menerima pengiktirafan kecemerlangan pada The 19th International High School Art Festival di Tokyo, pada 2018, sekali gus mengeneipkan lebih 500 hasil karya seni lain.

Dalam Pameran Seni Visual SPM 2019, Naim Hamid memilih tema Masa dan Ruang dengan menampilkan tiga lukisan bertajuk Yang Diwarisi, Halaman Desa serta Jendela Kenangan.

Yang Diwarisi mengangkat permainan tradisional seperti guli dan penutup botol (ceper) yang digemari kanak-kanak dahulu sebelum wujudnya gajet yang mencuri perhatian mereka.



Dr Mahathir menerima lukisan yang dihadiahkan oleh Naim Hamid di Yayasan Kepimpinan Perdana.